



جَبَاتُ كَسِيحَاتِ كَلَنْتَانِ

JABATAN KESIHATAN NEGERI KELANTAN

Aras 5, Wisma Persekutuan, Jalan Bayam,
15590 Kota Bharu, Kelantan.
<http://jknkelantan.moh.gov.my>

Telefon: 09-7413300
09-7413400
09-7413406
09-7413407
Fax: 09-7441333

Pengarah Kesihatan Negeri (Talian Terus): 09-7443960



Ruj: Kami: BA (24) JKMK - BK / 171 / 443 / 176 / 11
Tarikh: 24 Oktober 2011

YBhg. Dato' Pengarah
Hospital Raja Perempuan Zainab II

YBhg Dato' Pengarah
Hospital Universiti Sains Malaysia

Pegawai Kesihatan Daerah
Kota Bharu/Bachok/ Tumpat/ Pasir Mas/ Pasir Puteh
Tanah Merah/ Jeli / Machang / Kuala Krai/ Gua Musang

Pengarah Hospital
Tumpat/ Pasir Mas/ Pasir Puteh/ Tanah Merah/ Jeli / Machang / Kuala Krai/ Gua Musang

Pengurus Hospital Pakar Perdana
Pengurus Pusat Rawatan An Nisa'
Pengurus Hospital KBMC

Wakil Sektor Pengamal Perubatan
Persatuan Perubatan Malaysia (Cawangan Kelantan)

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YBhg. Dato' /Tuan/Puan,

PENYAKIT YANG PERLU DINOTIFIKASI DALAM TEMPOH 24 JAM SELEPAS DIAGNOSIS

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas. Adalah dimaklumkan pihak kami telah menerima peringatan dari Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia bahawa terdapat kes-kes denggi yang lewat di notifikasi.

2. Sukacita diingatkan terdapat 10 jenis penyakit berjangkit yang perlu dinotifikasi dalam e-notifikasi dalam masa 24 jam. Penyakit-penyakit tersebut adalah Kolera, Demam Denggi (DF, DHF & DSS) , Diphteria, Ebola, Keracunan Makanan, Plague, Polioyelitis (AC), Rabies Demam Kuning, dan Measles. Bersama-sama ini disertakan surat dari Bahagian Kawalan Penyakit berkaitan perkara diatas.

Pengamal Perubatan yang gagal memberi notis (notifikasi) dalam tempoh yang ditetapkan boleh dikenakan tindakan kompaun atas kesalahan dibawah Subseksyen 10(2), Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

4. Mohon kerjasama pihak YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan memastikan semua pengguna aplikasi E-Notifikasi dibawah seliaan YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan mengambil tindakan notifikasi dalam masa 24 jam bagi penyakit yang disenaraikan dengan kadar segera.

5. Kerjasama YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara diatas didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, Terima Kasih.

**PENYAYANG, KERJA BERPASUKAN DAN PROFESIONALISMA
ADALAH BUDAYA KERJA KITA**

Saya yang menjalankan tugas,



(DR. HJ.WAN MANSOR B.HAMZAH)

Timbalan Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Sk.

Timbalan Pengarah Kesihatan (Perubatan)



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami (15) dlm KKM-171/BKP/02/06/0082 Jld 3

Tarikh : 26 September 2011

SENARAI SEPERTI EDARAN

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PENYAKIT YANG PERLU DI NOTIFIKASI DALAM TEMPOH 24 JAM SELEPAS DIAGNOSIS

Dengan segala hormatnya perkara diatas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan , Bahagian Kawalan Penyakit telah menerima aduan berkenaan notifikasi penyakit tertentu yang lewat dilaporkan oleh pengguna di peringkat negeri dan daerah yang menyebabkan pendaftaran kes lewat dalam Sistem E-Notifikasi . Daftar notifikasi kes terutamanya penyakit Demam Denggi , perlulah sama tarikh dengan tarikh borang notifikasi (tarikh diagnosa penyakit oleh pegawai perubatan) dalam masa 24 jam .

3. Sehubungan dengan ini , disenaraikan 9 penyakit yang perlu dinotifikasi dalam masa 24 jam dalam E-Notifikasi (Rujuk buku " Case Defination for Infectious Diseases in Malaysia) Penyakit yang perlu dinotifikasi dalam masa 24 jam adalah Kolera , Demam Denggi (DF , DHF & DSS) , Diphteria , Ebola , Keracunan Makanan , Plague , Poliomyelitis (AC) , Rabies dan Demam Kuning .

4. Mohon kerjasama pihak YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan memastikan semua pengguna aplikasi E-Notifikasi di bawah seliaan YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan mengambil tindakan notifikasi dalam masa 24 jam bagi penyakit yang disenaraikan dengan kadar segera .



*K/u Survelan -
 Jika aduan yg masuk
 ke HOsp -
 masukkan Jln Kluar GP.*

Pengarah (P)	Timb. Pengarah Kesihatan (Perubatan) [TPK(P)]
TERIMA	
16 OCT 2011	
IBU PEJABAT JABATAN KESIHATAN NEGERI KELANTAN	
Timb. Pengarah Kesihatan (Pengurusan) [TPK(U)]	Timb. Pengarah Kesihatan (Perigiian) [TPK(G)]

5. Kerjasama pihak YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara diatas didahului dengan ucapan terima kasih .

Sekian ,

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,



(DR CHONG CHEE KHEONG)
Pengarah Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia